PROSIDING PERKEM ke-9 (2014) 833 - 844
ISSN: 2231-962X

Hutang dan Golongan Muda di Malaysia: Satu Kajian Awal

Abdul Basit bin Hodari
Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi & Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: basithodari@gmail.com

Tamat Sarmidi
Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi & Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: tamat@ukm.my

Norlida Hanim Mohd Salleh
Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi & Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: ida@ukm.my

ABSTRAK

Gaya hidup berhutang telah menjadi suatu amalan biasa pada masa kini. Kadar hutang isi rumah pada masa ini berada di tahap yang membimbangkan. Data kajian lepas menunjukkan pada tahun 2012, lebih kurang 47% pekerja muda mempunyai kadar hutang yang serius iaitu lebih daripada 30% daripada gaji bulanan digunakan untuk membayar hutang. Maka antara perkara yang dibincangkan dalam penulisan ini ialah konsep hutang menurut perspektif Islam dengan melihat kembali amalan berhutang ini sama ada untuk keperluan atau bukan untuk keperluan. Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengkaji sebab atau punca golongan muda di Malaysia berhutang. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah secara kajian lapangan dengan melakukan soal selidik. Data dikumpul daripada golongan muda berusia dari 25-44 tahun secara rawak di kawasan bandar dan juga luar bandar. Kajian ini penting kerana ia dapat mengenal pasti permasalahan kewangan yang berlaku dalam golongan muda sehingga menyebabkan mereka terjerumus dalam perangkap hutang. Kajian mendapati bahawa terdapat beberapa sebab yang menjadi alasan mengapa mereka perlu berhutang. Sebab utama adalah mereka perlu memenuhi tanggungjawab kepada rumah tangga seperti tempat tinggal, kenderaan, pendidikan anak-anak yang masih kecil dan juga kos sara hidup yang semakin meningkat. Kesimpulannya, sebahagian besar daripada golongan muda di Malaysia mengambil jalan untuk berhutang bagi memenuhi keperluan asas hidup terutama bagi mereka yang telah berumah tangga dan mempunyai tanggungan yang ramai. Tambahan pula, berhutang merupakan salah satu jalan pelaburan bagi mereka mengumpul aset untuk dijadikan simpanan pada hari tua mereka.

Kata Kunci: hutang, golongan muda, keperluan asas.

ABSTRACT

Lately, the trend living with debt seems to be normal norms. The debt rate for a family in Malaysia has been disturbingly high. Previous research data shows that in 2012, approximately 47% young workers have serious debt; which is more than 30% from their monthly pay has been used to pay the debt. Therefore in this research, one of the things that will be discussed is on the debt concept according to Islamic perspective by means of us to look back whether debt is a necessity or not. The purpose of this research is to find the factors that trigger Malaysian young people to apply for loans and involved with debt. The research was conducted by using a field study by performing questionnaire. Data collected from young people between the age of 25-44 years old randomly in urban and rural areas. This research is important in order to know the financial problem which occurs within the young people in Malaysia that leads them to debt problem. The outcome of this research has found out that there are many reasons why they have to owe money. The main reasons for the debt are to fulfill their basic needs to the household such as for house, vehicles owned, children's education and also the increasing cost of living. In a conclusion, the majorities of the young people in Malaysia resorting to owe money

to cater all those needs especially for those married and have other responsibilities. In addition, by owing money is also a way for them to invest as a saving for the future.

Keywords: debt, young people, basic needs.

PENGENALAN

Pembiayaan secara hutang menjadi suatu amalan yang biasa dan banyak dilakukan dikalangan rakyat di Malaysia, terutamanya bagi memenuhi keperluan asas dalam kehidupan (Azlina Zainal et. al. 2013: 446). Kemudahan berbagai-bagai jenis pembiayaan hutang dibuat kepada perkara-perkara yang perlu, seperti untuk memiliki rumah kediaman, kenderaan, pendidikan dan sebagainya (Ahmad Hidayat 2009: 5). Walau bagaimanapun, Islam tidak menegah untuk berhutang dan ia bukanlah sesuatu yang buruk. Ia telah menjadi suatu keperluan terutama dalam masyarakat yang bersifat konsurisme pada zaman moden ini (Ahmad Hidayat 2009: 2). Pengambilan hutang isi rumah ini bagi mendapatkan barangan dan perkhidmatan sebagai suatu keperluan asas dalam kehidupan (Azlina Zainal et. al. 2013).

Kesemua perkara tersebut jelas menjadi suatu tanggungjawab terhadap ketua bagi sesebuah keluarga atau isi rumah sebagai nafkah. Mengikut mazhab Shafi'iy, nafkah menjadi tanggungjawab seseorang kepada ibu bapa dan ke atas serta anak-anak dan ke bawah (Wahbah al-Zuhailiy, 2001: 950). Menjadi tanggungjawab seorang suami atau bapa untuk menyediakan sebuah rumah kerana telah termaktub dalam syariat Islam bahawa menyediakan tempat tinggal sebagai salah satu nafkah yang wajib ditunaikan. Namun begitu, telah menjadi amalan dalam masyarakat kita suami dan isteri sama-sama mencari rezeki untuk keperluan isi rumah. Berdasarkan cara hidup masa kini yang lebih bersifat konsumerisme, mereka mendapatkan keperluan asas seperti rumah dan kenderaan secara hutang. Lama-kelamaan mereka akan dapat memiliki harta-harta tersebut sebagai suatu aset setelah mereka tua (Ahmad Hidayat 2009: 2).

Namun begitu, perlu diambil perhatian bahawa kadar hutang isi rumah pada masa ini berada pada tahap yang membimbangkan. Menurut Bank Negara Malaysia, hutang isi rumah berbanding Kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat purata 12 peratus setahun sejak lima tahun lalu dan berada pada paras 82.9 peratus setakat akhir Mac 2013. Sekali gus Malaysia merupakan negara yang mempunyai paras hutang isi rumah berbanding KDNK tertinggi antara negara-negara membangun di rantau Asia (Paul Selva Raj et. al. 2013). Masalah hutang isi rumah menjadi suatu topik yang banyak dibincangkan dalam kebanyakan media massa seperti dalam surat khabar, televisyen, laman sesawang dan lain-lain lagi. The Malaysian Insider pada 9 Julai 2013 dalam artikel bertajuk "Gaya Hidup Rakyat Malaysia Dorong Hutang Tidak Berpenghujung" menyatakan ramai yang terjebak dengan masalah hutang seperti rumah, kenderaan dan kad kredit. Ramai juga dikalangan masyarakat di Malaysia yang terpaksa melakukan perkerjaan kedua sebagai pendapatan sampingan demi menyelesaikan hutang-hutang mereka (Lee Shi-an 2013).

Bukan sekadar dalam media masa sahaja, masalah hutang isi rumah dan kebankrapan terutama dalam kalangan golongan muda antara topik hangat yang dibincangkan dalam sidang Dewan Rakyat Parlimen Ketiga Belas. Isu ini telah diajukan seawal mesyuarat yang pertama dalam penggal yang pertama lagi. Perbincangan menjurus kepada masalah hutang kad kredit yang membawa kepada kebankrapan pada mulanya. Namun begitu, di dapati bahawa bukan sekadar hutang kad kredit sahaja yang membelenggu, bahkan hutang isi rumah didorong oleh pelbagai jenis hutang lagi (Dewan Rakyat 2013) . Tambahan lagi produk pinjaman dan pembiayaan secara hutang semakin banyak di institusi-institusi kewangan seluruh negara.

Kepelbagaian produk ini menjadikan masyarakat lebih suka berhutang kerana mereka tidak perlu mengeluarkan sejumlah wang simpanan mereka. Tempoh bayaran balik sesuatu pinjaman juga ada yang telah dilanjutkan. Sebagai contoh tempoh maksimum bagi pinjaman peribadi dilanjutkan sehingga 25 tahun dan pembiayaan rumah dilanjutkan sehingga 45 tahun. Institusi-institusi terus cuba mendapatkan pelanggan yang ramai untuk mengaut keuntungan. Walhal beberapa langkah telah diambil oleh Bank Negara Malaysia (BNM) yang menyediakan satu set langkah iaitu dengan memaksimumkan tempoh pembiayaan hanya 10 tahun untuk pembiayaan bagi kegunaan peribadi. Manakala untuk pembiayaan bagi harta kediaman dan bukan kediaman pula hanya 35 tahun sahaja (Paul Selva Raj et. al. 2013). Ini boleh mengakibatkan orang ramai berhutang lebih daripada keperluan dan kemampuan untuk mereka melunaskan semula hutang mereka.

Semua segmen masyarakat, termasuk mereka yang masih muda dan meminjam buat kali pertama daripada institusi kewangan harus diberi persediaan mengenai pendidikan pengurusan kewangan agar mereka tidak terbeban dengan masalah hutang yang serius dan akhirnya menjadi muflis. Jabatan Insolvensi Malaysia melaporkan sebanyak 37,493 kes individu berumur 25 hingga 44 tahun

diisytiharkan bankrap (Paul Selva Raj et. al. 2013). Perkara ini jelas menunjukkan bahawa perhatian yang serius perlu diambil terhadap golongan muda agar mereka tidak terus terjerumus dalam masalah hutang.

Kajian oleh Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan Untuk Pengguna, Malaysia (ERA Consumer Malaysia) dan Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC) yang mensasarkan pekerja muda yang berusia dari 18 tahun hingga 35 tahun di sekitar wilayah tengah semenanjung Malaysia (Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya) telah dijalankan pada tahun 2012. Kajian ini menunjukkan lebih kurang 47% pekerja muda mempunyai hutang yang serius, iaitu lebih daripada 30% daripada gaji bulanan digunakan untuk membayar hutang. Melalui kajian tersebut juga, didapati bahawa 37% pekerja muda mengaku bahawa mereka berbelanja melebihi daripada tahap kemampuan mereka (Paul Selva Raj et. al. 2012). Hal ini merupakan salah satu punca utama yang boleh mengakibatkan golongan muda individu menghadapi masalah dalam pengurusan kewangan mereka.

Golongan muda juga terpaksa menghadapi tekanan ekonomi. lebih-lebih lagi meraka yang baru ingin memulakan kehidupan berkeluarga terpaksa mengambil kira kos sara hidup yang tinggi. Peningkatan beban isi rumah, dan pada masa yang sama kadar gaji yang tidak mencukupi menjadi kegelisahan dikalangan golongan muda. Ketakstabilan ekonomi amat dirasai terutama mereka yang tinggal di kawasan bandar-bandar besar. Inflasi harga barang dilihat semakin meningkat saban tahun antara perkara yang menambah beban kepada isi rumah. Justeru, mereka mengambil langkah mudah kesan daripada tekanan ekonomi dengan cara berhutang (Muhammad Nazreen 2013). Kesannya, kebarangkalian muflis dikalangan golongan muda menjadi lebih membimbangkan lagi.

Permasalahan ini juga menjadi kebimbangan kerana golongan muda merupakan suatu kelompok dalam masyarakat yang akan memainkan peranan penting untuk mencorakkan bentuk, nilai dan gaya hidup masyarakat sesebuah negara pada masa akan datang. Mereka seringkali dianggap sebagai aset dan pewaris negara. Perkara ini sebagaimana dalam World Youth Pelan 1995, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menganggap golongan muda sebagai satu kelompok penting yang akan memainkan peranan utama sebagai agen untuk perubahan, pembangunan ekonomi dan juga penerimaan inovasi teknologi (Mohd Fuad & Junaidi Awang 2012: 52). Oleh yang demikian, Pembangunan golongan ini dianggap perlu untuk diberikan perhatian bagi memastikan bahawa negara berkenaan dapat meneruskan kelangsungan pembangunan seperti yang telah dirancang.

Justeru itu, tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti sebab mengapa golongan muda perlu berhutang atau membuat pinjaman. Dan seterusnya melihat kemampuan untuk menanggung bebanan hutang. Secara terperincinya terdapat tiga perkara yang menjadi objektif iaitu jenis pembiayaan atau pinjaman yang menjadi keperluan kepada golongan muda. Faktor yang menjadi bebanan untuk membayar semula pinjaman juga perlu untuk dikenal pasti dan kemampuan peminjam untuk membayar semula pinjaman.

KAJIAN LEPAS

Beberapa kajian lepas antaranya yang menyatakan bahawa hutang yang berlebihan daripada kemampuan boleh mengakibatkan seseorang itu bankrap. Satu kajian oleh Elangkovan dan Ahmed Razman (2013) mendapati masalah kebankrapan banyak berlaku disebabkan oleh hutang kad kredit yang tidak mampu dilunaskan. Peningkatan jumlah individu yang bankrup kerana hutang kad kredit kebanyakannya yang berusia bawah 30 tahun. Dalam suatu kajian yang lain oleh Nazni Noordin et. al. (2012) juga menunjukkan bahawa kad kredit menjadi sebab utama masalah hutang sehingga membawa kepada kebankrapan. Namun begitu, kajian ini lebih khusus untuk mengetahui sama ada pengetahuan tentang kad kredit dan masalah kebankrapan, atau gaya hidup dengan kad kredit yang menjadi punca kepada masalah kebankrapan dikalangan individu bawah 30 tahun. Dalam kajian tersebut menunjukkan bahawa tahap pengetahuan individu tentang kad kredit menyebabkan mereka terjerumus dalam hutang kad kredit yang berlebihan.

Kedua-dua kajian di atas menunjukkan bahawa golongan muda di bawah umur 30 tahun menghadapi masalah hutang kad kredit sehingga bankrup. beberapa cadangan yang sama telah diberikan melalui kedua-dua kajian ini bagi mencegah masalah kebankrapan akibat penggunaan kad kredit yang keterlaluan. Antaranya mencadangkan agar mereka yang mempunyai banyak kad kredit beralih kepada penggunaan kad debit untuk mengelakkan penambahan hutang tanpa disedari. Selain itu, pengetahuan tentang pengurusan kredit perlu ditingkatkan dikalangan masyarakat terutama bagi yang berumur bawah 30 tahun. Kempen berkenaan kesedaran penggunaan kad kredit juga menjadi salah satu cadangan dalam kedua-dua kajian diatas (Elangkovan & Ahmed Razman 2013; Nazni Noordin et. al. 2012). Melihat pula pada masalah hutang isi rumah di Malaysia, terdapat beberapa kajian berkenaan hutang isi rumah yang semakin meningkat. Hutang terkumpul yang tertangguh

melebihi daripada RM30 000 boleh menjadi sebab kepada kebankrapan (Jabatan Insolvensi Malaysia 2013) .

Sebuah kajian oleh Maznita Mokhtar dan Azman Ismail (2013) antara kajian yang banyak berkait dengan kajian ini. Kajian ini merungkai keperluan untuk berhutang berdasarkan maqasid al-shariah. Melalui kajian tersebut juga, pengurusan kewangan terutamanya pengurusan pinjaman bagi seisi rumah dibincangkan secara terperinci berdasarkan prinsip-prinsip syariah. Kajian secara empirikal ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa punca yang menyumbang kepada hutang isi rumah di Malaysia, seperti kenaikan harga rumah dan aset hartanah, gaya perbelanjaan, jumlah pendapatan dan sebagainya. Tren keberhutangan meningkatkan kerana masalah untuk membiayai keperluan asas (peribadi dan perbelanjaan). Peningkatan dalam perbelanjaan peribadi juga tidak disokong dengan peningkatan pendapatan memandangkan kos sara hidup yang semakin meningkat. Dalam satu kajian lain yang telah dibuat oleh Roza Hazli et. al. (2012), menemui punca gejala berhutang yang berlaku. Melalui kajian ini, para pengkaji mendapati bahawa perkara ini berkait dengan usaha untuk merancakkan aktiviti ekonomi. Oleh itu, penurunan kadar faedah dan galakkan kerajaan kepada institusi untuk memberi kemudahan pinjaman dilakukan dan akhirnya menyebabkan punca hutang isi rumah meningkat. Selain itu, kos sara hidup yang tinggi serta tidak berpadanan dengan pendapatan. Gaya hidup yang sentiasa meningkat dikalangan isi rumah juga menjadi faktor mereka berhutang semata-mata untuk kemewahan bukannya keperluan.

Terdapat sebuah lagi artikel hasil kajian oleh Roza Hazli et. al. (2012), yang membincangkan tentang peningkatan dalam masalah kebankrapan yang kebanyakannya dikalangan isi rumah yang masih muda. Para pengkaji telah mengkaji hubungan antara gelagat dalam kewangan dengan kedudukan kewangan. Dengan menggunakan pendekatan permodalan persamaan struktur, didapati bahawa pendapatan, persepsi atau kawalan diri seseorang individu dan gelagat kewangan menentukan kedudukan kewangan. Namun begitu, secara tidak langsung, gelagat kewangan yang baik datang daripada pengetahuan tentang kewangan. Pengetahuan kewangan yang mencukupi memberi kesan yang lebih baik kepada kedudukan kewangan.

Standard and Poors Rating Services (2013), melalui beberapa orang penganalisisnya telah membuat kajian berikutan peningkatan jumlah hutang isi rumah dalam negara-negara Asia. Kajian tertumpu pada beberapa buah negara yang mengalami peningkatan hutang isi rumah yang tertinggi iaitu Malaysia, Thailand, Singapura, Korea, Hong Kong dan China. Malaysia dicatatkan sebagai negara yang mempunyai hutang isi rumah berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tertinggi sehingga 80.5 % pada 2012 daripada hanya 60.4 % pada tahun 2008. Peningkatan harga hartanah secara mendadak sejak akhir tahun 2010 menjadikan hutang bagi peinjaman perumahan adalah yang tertinggi menyumbang kepada hutang isi rumah. Pinjaman perumahan mewakili 27% daripada portfolio pinjaman di bank-bank seluruh Malaysia. pinjaman keseluruhan isi rumah pula mewakili 55% daripada portfolio pinjaman. Bermakna hampir separuh daripada hutang isi rumah adalah pinjaman perumahan.

Selain itu, Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan untuk Pengguna, Malaysia (ERA Consumer Malaysia) dan Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC) telah menjalankan satu kajian terhadap perilaku dan tabiat kewangan golongan pekerja muda. Kajian ini mendapati bahawa pekerja muda menggunakan pendapatan mereka untuk membayar hutang bagi pembiayaan rumah, kenderaan, pelajaran, pembiayaan peribadi dan insurans atau takaful. Dalam masa yag sama juga, ada diantara mereka yang berbelanja secara berlebihan iaitu untuk gaya hidup yang lebih mewah. Kajian tersebut juga mendapati bahawa pekerja muda tidak mempunyai pengetahuan kewangan yang cukup hingga mereka terjerumus dalam masalah hutang.

Tinjauan daripada kajian lepas seperti sebuah penulisan oleh Azrina Sobian & Siti Fatimah (2010). Penulisan ini lebih menjurus kepada pinjaman peribadi, tetapi penulisnya mengkaji juga tentang penggunaan kad kredit. Selain itu, terdapat penerangan tentang hutang dari perspektif Islam. Dalam penulisan yang lain pula, karangan Adil Akhyar (2008) juga membincangkan tentang hutang dari perspektif Islam. Perbincangannya lebih kepada pengurusan hutang dan budaya berhutang dikalangan masyarakat masa kini. Pengarang juga ada memuatkan tentang akibat daripada banyak berhutang. Kemudian, terdapat satu Kertas Ilmiah yang di tulis oleh Syahnaz Sulaiman (2011). Penulis menerangkan tentang gejala berhutang dalam masyarakat kini. Oleh itu, beliau membincangkan tentang kewajipan melunaskan kembali hutang-hutang. Kebanyakan perkara yang dinyatakan dalam penulisan ini mengenai kontrak hutang & untuk menambahkan kefahaman tentang konsep hutang.

Setelah melihat kepada kajian-kajian di atas, pelbagai perkara yang mempunyai kaitan dengan hutang isi rumah. Kebanyakan kajian menjelaskan tentang pelbagai faktor yang menyebabkan peningkatan hutang isi rumah seperti peningkatan kos sara hidup, pendapatan, keperluan asas dan lain-lain. Kajian-kajian tersebut juga mendapati beberapa jenis hutang yang menjadi bebanan terutama hutang kad kredit sebagaimana dalam kajian Nazni Nordin bersama beberapa pengkaji lain (2012) serta

kajian oleh Elangkovan dan Ahmed Razman (2013). Kenaikan harga rumah juga mendorong kepada peningkatan ini seperti kajian yang dibuat oleh Standard and Poors Rating Services (2013). Kesemua kajian lepas yang telah dinyatakan membuka ruang atau idea untuk menjalankan kajian tentang golongan muda yang berhutang. Ini kerana golongan muda antara yang perlu diberikan perhatian tentang pengurusan hutang. Kebankrapan dalam golongan muda terutama kerana bebanan hutang kad kredit dan keperluan untuk memiliki rumah kediaman yang semakin meningkat harganya kini. Kebankrapan pula boleh dikaitkan dengan kemampuan isi rumah membayar semula hutang. Maka, kemampuan golongan muda untuk membayar hutang mereka perlu dikaji.

HUTANG SUATU KEPERLUAN

Walau Islam mengharuskan berhutang, ia tidak bermaksud menggalakkan umatnya berhutang atau membuat pinjaman kewangan. Apatah lagi bagi tujuan yang melebihi keperluan asas kehidupan (Syahnaz Sulaiman 2011: 2). Allah s.w.t menggariskan dan mengharuskan sesuatu perkara dengan hikmahnya yang tersendiri. Segala akad tabarru'at adalah bersifat kebajikan. Tujuan akad-akad ini diharuskan agar dapat membantu mereka menghadapi kesusahan dalam hidup. Melalui akad tabarru'at juga melahirkan sikap suka tolong-menolong dalam masyarakat. Setiap pihak yang melakukan akad tabarru'at tidak sepatutnya bertujuan mendapatkan faedah kebendaan tetapi semata-mata kebajikan (Hailani Muji Tahir & Sanep Ahmad 2009: 113). Oleh itu, tidak sepatutnya sebahagian pihak mengambil kesempatan untuk mengaut untung atau bermewah-mewah dengan cara meminjam sama ada melalui aqad al-qard, al-rahn, al'ariyah dan lain-lain.

Pengharusan pinjam-meminjam bertujuan untuk membebaskan mereka yang menghadapi kesusahan dalam kehidupan. Kesusahan yang dimaksudkan adalah merangkumi kesukaran mendapatkan keperluan asas. Hal ini dapat difahami melalui hadis berikut, sabda Baginda s.a.w yang diriwayatkan oleh Anas bin malik:

> Maksudnya: "Pada malam aku diisra'kan (mi'raj) aku melihat tulisan di pintu syurga, pahala sedekah ialah sepuluh kali ganda dan pahala memberi hutang ialah 18 kali ganda." Aku bertanya: "Wahai Jibril kenapa memberi hutang lebih banyak pahalanya daripada sedekah?" Jibril menjawab: "Kerana orang yang meminta sedekah dalam keadaan meminta sedang dia mempunyai harta, sedangkan orang yang meminta pinjaman kecuali kerana suatu keperluan." (Sunan Ibn Majah, Kitab al-Sadaqat, bab al-qard, no. 2431)

Berdasarkan kepada hadis di atas, sememangnya antara memberi hutang pada seseorang itu adalah lebih diutamakan berbanding memberi sedekah. Ganjaran yang akan diperolehi juga lebih banyak berbanding bersedekah. Namun perlu diingat bahawa orang yang meminta pinjaman itu adalah orang yang benar-benar memerlukan dan bertujuan untuk membebaskan dirinya daripada kesempitan hidup (Syahnaz Sulaiman 2011).

Terdapat satu hadis yang lain menyatakan beberapa keadaan yang membolehkan seseorang itu berhutang. Hadis ini diriwayatkan oleh Abdullah bin Amru, Rasulullah s.a.w bersabda:

> Maksudnya: "Orang mati dalam keadaan berhutang akan dipertanggungjawabkan terhadap hutangnya pada hari kiamat, kecuali orang yang berhutang kerana tiga sebab menjadi halal iaitu: lelaki yang menjadi lemah kekuatannya kerana memperjuangkan agama Allah, hingga dia berhutang untuk menghimpunkan kekuatan untuk menghadapi musuh Allah dan musuh sendiri; dan lelaki yang perlu menguruskan jenazah seorang muslim sedangkan dia tidak mempunyai biaya untuk mengkafankan serta mengukurkannya kecuali dengan berhutang; dan lelaki yang takut dirinya membujang lalu berkahwin kerana takut agamanya kurang terpelihara. Allah akan membayar hutang mereka pada hari kiamat." (sunan Ibn Majah, Kitab al-Sadaqat, Bab Salasu min Adanin fihinna qada Allah Azza wa Jal 'anhu, no. 2435)

Hadis di atas menerangkan bahawa pada hari kiamat kelak, orang yang berhutang atas beberapa keadaan yang telah dinyatakan dalam hadis di atas akan terlepas daripada menanggung bebanan hutangnya (Azrina Sobian & Siti Fatimah 2010: 18). Oleh yang demikian, amalan berhutang atau pinjam-meminjam bukanlah suatu perkara kecil. Sehinggakan dalam perkara yang benar-benar penting dan untuk memelihara agama sahaja Allah s.w.t melepaskan bebanan hutang bagi mereka yang tidak berkemampuan untuk melunaskannya.

Selain itu, sesiapa sahaja yang ingin berhutang, seharusnya dia tahu bahawa dia mampu untuk melunaskan kembali hutang-hutangnya. Perkara ini menjadi sebahagian daripada syarat bagi penghutang (Syahnaz Sulaiman 2011: 14). Walaupun pada waktu dia berhutang kerana kesusahan yang dihadapinya, namun dia perlu berusaha selepas itu untuk melunaskan hutang-hutangnya selagi terdaya. Imam al-Khatib al-Shirbini dalam Kitab al-Mughniy al-Mukhtaj telah menyatakan perkara yang sama, bahawa sekiranya seseorang peminjam didapati tidak mampu melunaskan hutangnya, pemiutang hendaklah menyembunyikan kekayaan dan kemampuan untuk memberi hutang. Tetapi tidak harus menyembunyikan kekayaan atau kemampuan dalam bab memberi sedekah (al-Shirbini, Juz2: 153).

Jika difahami semula segala keterangan di atas mengenai keperluan untuk berhutang oleh seseorang, maka terdapat beberapa hukum dalam berhutang. Hukum memberi hutang adalah sunat dan meminta hutang adalah harus. Walau bagaimanapun, tujuan atau sebab berhutang boleh menjadikan hukum tersebut berubah dalam beberapa keadaan, dan ini mengikut Mazhab Shafi'iy: Haram sekiranya pemiutang mengetahui hutang yang diberikan akan digunakan untuk tujuan maksiat yang diharmkan oleh syarak seperti berjudi, modal perniagaan arak dan sebagainya (Mustafa al-Bugha et. al. 2009: 1328). Para fuqaha lain juga bersepakat dengan pengharaman ini kerana dianggap bersubahat dalam aktiviti yang diharamkan oleh syarak (al-Shirbini, Juz2: 153). Makruh sekiranya diketahui hutang digunakan untuk perkara yang tidak bermanfaat atau untuk menunjuk-nunjuk. Makruh juga sekiranya penghutang tahu dia tidak mampu untuk membayar semula hutangnnya sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini oleh Imam al-Shirbini. Wajib sekiranya mengetahui bahawa penghutang amat memerlukan untuk menampung keperluan hidup bagi diri dan keluarganya. Selain itu, dia tidak mempunyai jalan yang lain untuk memperolehinya kecuali dengan berhutang (Mustafa al-Bugha et. al. 2009: 1328).

Keperluan berhutang berkait rapat dengan maslahah atau maqasid shari'ah yang telah digariskan oleh Islam. Maqasid shari'ah menurut istilah bermaksud hikmah, rahsia, tujuan, atau matlamat yang dikenal pasti dalam pensyariatan dan pelaksanaan hukum. Maslahah perlu sentiasa dijaga kerana ia merupakan salah satu nikamat kurniaan Allah s.w.t untuk menjamin keselamatan, kepuasan dan keselesaan hidup manusia (Hailani Muji Tahir et. al. 2009: 471). Maqasid shariah secara ringkasnya terbahagi kepada tiga peringkat iaitu maqasid al-daruriyyat (asas), maqasid al-hajiyyat (keperluan), dan maqasid al-tahsiniyyat (pelengkap). Setiap sesuatu perkara yang dilakukan perlulah mengutamakan yang asas dahulu sebelum yang lainnya agar kemaslahatan individu, keluarga dan masyarakat sentiasa terjamin. Kemaslahatan umum pula lebih diutamakan berbanding individu.

Hutang menjadi suatu keperluan kepada mereka yang kurang berkemampuan kerana mereka berhutang untuk memenuhi tuntutan hidup. Keharusan berhutang kepada pemiutang menjadi wajib pada pemiutang untuk memberi hutang kepada meraka yang ingin memenuhi keperluan asas iaitu perkara al-daruriyyat. Para ulama membahagikan maqasid al-daruriyyat kepada lima perkara iaitu: Hifz al-din (memelihara agama); Hifz al-nafs (memelihara nyawa); Hifz al-aql (memelihara akal); Hifz al-nasl/nasab (memelihara keturunan); Hifz al-mal (memelihara harta).

Perkara-perkara ini pula berperingkat dan yang paling diutamakan adalah memelihara agama (Hailani Muji Tahir et. al. 2009: 472-473). Bagi seorang ketua isi rumah atau sebuah keluarga, menjadi kewajipan baginya memenuhi nafkah untuk keluarga dan ia wajib dalam Agama. Secara tidak langsung ia memenuhi perkara daruriyyat. Didikan ilmu agama dan moden kepada anak-anak adalah untuk menjaga agama dan akal. Makanan, minuman, tempat tinggal adalah jelas untuk memelihara nyawa dan selainnya. Pernikahan mengikut Islam adalah untuk menjaga agama dan keturunan. Hutang untuk berkahwin kerana takut berlaku maksiat telah dijanjikan oleh Allah s.w.t akan terlepas daripada bebanannya di hari kiamat jika tidak mampu melunaskannya sebagaimana hadis yang telah disebutkan sebelum ini. Tempat tinggal merupakan harta yang asas sekali gus memelihara harta. Seperti golongan gelandangan yang kian menjadi perhatian masyarakat, mereka tidak mempunyai tempat tinggal khusus hingga menyebabkan aktiviti harian mereka menjadi sukar. Oleh itu, semua jenis muamalah termasuk hutang juga disyariatkan untuk menjaga harta (Hailani Muji Tahir et. al. 2009: 474).

Manakala maqasid hajiyyat pula kepeluan manusia dalam bentuk kemudahan untuk menghindari sebarang kesukaran dan bebanan yang dapat mengakibatkan tidak tercapainya tujuan. Namun, ketiadaan perkara berbentuk hajiyyat tidak merosakkan kehidupan secara langsung. Muamalah juga boleh menjadi perkara yang hajiyyat dalam keadaan tertentu kerana membuka ruang dan peluang bagi memudahkan urusan yang daruriyyat. Maka, hutang boleh juga tergolong dalam perkara hajiyyat kerana sebagai suatu cara untuk mendapatkan keperluan asas yang berbentuk daruriyyat (Hailani Muji Tahir et. al. 2009: 474). sebagai contoh, kenderaan persendirian memudahkan isi rumah untuk melaksanakan aktiviti harian terutama menghantar anak ke sekolah dan ke tempat kerja. Walaupun dengan adanya kenderaan awam untuk digunakan, namun dengan memiliki kenderaan sendiri akan lebih memudahkan.

Fitrah manusia yang mahukan kesenangan dan dorongan nafsu yang mahukan kemewahan menjadi penyebab kepada sikap berhutang yang tidak mengikut konsep asalnya. Kadang kala amalan berhutang tidak menepati prinsip maqasid shari'ah yang digariskan. Maqasid tahsiniyyat merupakan pelengkap yang layak diambil dan berkaitan dengan adat kebiasaan yang baik serta etika hidup yang mulia (Hailani Muji Tahir et. al. 2009: 474). Sikap boros untuk bermewah-mewah dengan cara berhutang sehingga berlaku pembaziran menyalahi perkara tahsiniyyat. Terdapat segelintir masyarakat yang sanggup berhutang untuk memiliki kereta mewah, rumah banglo sedangkan pada hakikatnya mereka tidak mampu. Kemudahan berhutang yang disyariatkan dalam islam telah disalah ertikan.. Setiap suatu perkara yang dilakukan perlulah mengikut kemampuan kita dan tidak sepatutnya ada sikap ingin mengikut-ikut cara kehidupan orang lain yang lebih berkemampuan.

KEWAJIPAN MEMBAYAR HUTANG

Meminjam wang daripada sesuatu pihak (pemiutang) sememangnya suatu yang mudah. Namun begitu, menjadi penekanan yang kuat dalam Islam berkenaan perlunasan hutang oleh penghutang. Melunaskan hutang menjadi suatu amanah yang wajib diselesaikan. Allah s.w.t telah berfirman dalam surah al-Nisa' ayat 58:

> Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum Dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.

Kewajipan melangsaikan hutang juga diberikan penekanan oleh Rasulullah s.a.w dalam sabdanya yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a:

> Maksudnya: Sekalipun aku memiliki emas sebesar Gunung Uhud, aku tidak akan senang jika tersisa lebih dari tiga hari, kecuali yang aku sisihkan untuk membayar hutang. (Sahih al-Bukhari, Kitab al-Istiqrad wa ada al-duyun wa al-hajr wa al-taflis, Bab ada' al-dayn, no. 2259)

Melalui hadis di atas, Baginda s.a.w menjelaskan bahawa pentingnya melangsaikan hutang terutama apabila seseorang itu mempunyai kemampuan untuk membayarnya. Harta yang banyak tidak bermakna sekiranya masih terdapat hutang yang belum diselesaikan dan kehidupan menjadi tidak tenang. Dalam hadis lain pula Baginda s.a.w menyatakan tentang beratnya tanggungan hutang. Ganjaran bagi seseorang yang syahid dijalan Allah amat besar sehingga diampunkan segala dosanya. Tetapi hutang kepada manusia perlu dijelaskan semasa hidup. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abd Allah bin Amru:

> Maksudnya: Diampunkan semua dosa bagi orang yang terkorban syahid kecuali jika mempunyai hutang (kepada manusia). (Sahih Muslim, Kitab al-Imarah, Bab Man Qutila fi Sabil Allah Kuffirat Khatayah illa al-Dayn, no. 1886)

Tanggungjawab membayar hutang amat besar dan menjadi hak pemiutang bertepatan dengan konsep maqasid al-shari'ah yang daruriyyat iaitu menjaga harta. Bagi menjaga hak pemiutang terhadap hartanya agar terpelihara, Allah s.w.t telah berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 282:

> Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas). dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu.

Melalui ayat di atas, Allah s.w.t mensyaratkan supaya merekodkan kontrak hutang antara pihak yang berhutang supaya menjadi bukti sekiranya penghutang enggan melunaskan hutang mereka.

Merekodkan hutang juga menunjukkan bahawa kewajipan membayar hutang itu sentiasa diberi penekanan dalam Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji menggunakan kaedah kajian lapangan dalam menjalankan kajian ini. Data telah diperolehi melalui soal selidik yang dibuat terhadap 100 orang responden berusia dari 25-44 tahun di seluruh semenanjung Malaysia secara rawak. Kemudian data-data yang diperolehi dianalisis dengan beberapa kaedah bagi menjawab objektif utama kajian iaitu jenis hutang yang menjadi keperluan bagi golongan muda. Selain itu, beberapa data daripada soalan yang berbentuk skala likert dianalisis untuk mengetahui kemampuan golongan muda dalam melunaskan hutang mereka. Dengan kaedah ini, pengkaji dapat mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh responden setiap kali hendak membayar balik pinjaman mereka.

DAPATAN KAJIAN

Setelah menganalisis data yang diperolehi melalui borang soal selidik, berikut merupakan taburan responden mengikut demografi mereka iaitu jantina, umur, status perkahwinan & juga pendapatan:

Berdasarkan jadual 1, sebahagian besar responden terdiri daripada perempuan iaitu 61% dan lelaki hanya 61% sahaja. Manakala taburan responden mengikut umur pula, 55% daripada responden berumur antara 25-34 tahun dan bakinya sebanyak 45% berumur di antara 35-44 tahun. Seterusnya melihat pula taburan responden mengikut status perkahwinan. Mengikut status perkahwinan pula, sebanyak 41% masih bujang dan 59% lagi telah pun berkahwin.

Jadual 2 pula menunjukkan maklumat pendapatan responden. Kebanyakan responden berpendapatan dari RM2000 hingga RM5000 iaitu 64% daripada mereka. Hanya 9% sahaja berpendapatan tinggi iaitu RM5000 ke atas dan 19% mempunyai pendapatan RM2000 ke bawah. Terdapat 8% tidak mempunyai pendapatan kerana masih belum bekerja.

Seterusnya analisis dibuat berkaitan dengan maklumat pinjaman responden. Beberapa jenis pembiayaan dilihat menjadi suatu keperluan.

Jadual 3 menunjukkan jumlah responden yang membuat pinjaman mengikut jenis pinjaman. Pinjaman bagi memiliki kenderaan adalah yang paling ramai dibuat sehingga lebih daripada separuh iaitu 65% responden yang membuat pinjaman tersebut. Kedua tertinggi ialah pinjaman peribadi dan rumah kediaman, kedua-duanya dibuat oleh 35% responden. Sebanyak 34% responden membuat pinjaman pendidikan. Manakala bagi pinjaman kad kredit, perniagaan dan rumah kedai masing-masing hanya 9%, 3% dan 1% sahaja.

Terdapat beberapa jenis pinjaman yang dibuat oleh ramai responden seperti pinjaman rumah kediaman, kenderaan, pinjaman peribadi dan pinjaman pendidikan. Pinjaman untuk membiayai pembelian kenderaan adalah tertinggi dan ini merupakan dapatan yang sama sebagaimana kajian yang dibuat oleh Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan untuk Pengguna, Malaysia (ERA Consumer Malaysia) dan Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC). Di mana pekerja muda banyak membuat pinjaman untuk membiayai pembelian kenderaan. Tanpa disedari, masyarakat kita terpaksa berhutang untuk memenuhi keperluan hidup seperti kenderaan persendirian sebagai pengangkutan untuk melaksanakan aktiviti harian agar lebih mudah. Dalam kajian tersebut juga telah mendapati bahawa pinjaman perumahan, pinjaman peribadi dan pinjaman pelajaran antara yang paling banyak dibuat oleh pekerja muda. Perkara ini dilihat serupa dengan dapatan yang diperolehi pengkaji.

Selain itu, kajian yang dibuat oleh Standard and Poors Rating Services (2013) menunjukkan masyarakat Malaysia mempunyai kadar hutang isi rumah yang tinggi akibat nilai hartanah yang meningkat secara mendadak. Maka tidak hairanlah jika dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakkan golongan muda membuat pinjaman untuk membeli rumah kediaman yang merupakan aset hartanah. Bagi memenuhi keperluan tempat tinggal, mereka perlu berhutang dengan nilai yang tinggi.

Namun begitu, pinjaman untuk kad kredit, pengkaji mendapati tidak ramai golongan muda yang mempunyai pinjaman kad kredit. Dapatan ini agak berbeza dengan beberapa kajian lepas seperti kajian oleh Elangkovan dan Ahmed Razman (2013) serta kajian oleh Nazni Noordin et. al. (2012) yang mendapati bahawa hutang kad kredit menjadi punca utama kebankrapan golongan muda terutama yang di bawah usia 30 tahun. Walau bagaimanapun, tidak perlu dihairankan kerana masyarakat kini lebih bijak dan berpengetahuan dalam mengurus kewangan di samping usaha kerajaan untuk memberi kesedaran dengan mewujudkan institusi seperti Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

Kesedaran masyarakat mungkin menyebabkan peratusan golongan muda yang mempunyai hutang kad kredit tidak banyak.

Melalui jadual 4, didapati bahawa sebanyak 37% di antara responden mempunyai hutang bawah RM5000 dan hanya 10% sahaja mempunyai hutang yang tinggi sehingga RM200000 ke atas. Manakala 25% mempunyai hutang RM5000 hingga RM100000 dan 20% lagi mempunyai hutang sebanyak RM100000 hingga RM200000. Walau bagaimanapun, masih terdapat dianatara responden yang masih belum mempunyai sebarang komitmen hutang iaitu sebanyak 8%. Jumlah ini tidak semestinya mewakili mereka yang tiada pendapatan kerana terdapat di antara mereka yang belum bekerja tetapi mempunyai hutang pelajaran.

Seterusnya analisis bagi melihat permasalahan yang menjadi faktor bebanan kepada peminjam untuk melunaskan pinjaman mereka. Jadual di bawah menunjukkan beberapa pernyataan yang diajukan kepada responden untuk mengenal pasti faktor bebanan yang dihadapi peminjam.

Berdasarkan jadual 5, tempoh pembayaran yang telah ditetapkan tidak menjadi permasalahan kepada peminjam. Secara puratanya, responden mempersetujui tempoh yang ditetapkan iaitu dengan nilai purata 3.72 dan mereka kebanyakannya tidak memerlukan perubahan terhadap tempoh bayaran balik yang ditetapkan. Nilai purata bagi persoalan sama ada perlu ditambah tempoh ialah 3.01 dan bagi persoalan sama ada perlu dipendekkan pula ialah 2.88. Sebaliknya, mereka mengakui bahawa permasalahan lain yang menjadikan mereka terbeban setiap kali ingin membayar balik pinjaman. Antara permasalahan yang mejadi faktor bebanan iaitu terpaksa mendahulukan wang mereka untuk keperluan yang lain. Jika dilihat, kenyataan ini dipersetujui oleh kebanyakan mereka dengan nilai purata 4.07. Selain itu, mereka juga bersetuju bahawa kos sara hidup tinggi dengan nilai purata 4.03 dan bajet kewangan mereka terganggu kerana keperluan semasa dengan nilai purata 4.00. permasalahan yang timbul di luar perancangan kewangan ini menjadi bebanan walaupun pendapatan mereka mampu menampung pinjaman yang telah dibuat.

Roza Hazli et. al. (2012) dalam kajiannya menyatakan bahawa pengetahuan dalam pengurusan kewangan perlu dipertingkatkan. Perkara ini setara dengan dapatan yang diperolehi apabila kebanyakkan responden mengalami masalah beban kewangan yang berada di luar perancangan kewangan mereka. Selain itu, Maznita Mokhtar dan Azman Ismail (2013) dalam kajian mereka mendapati kenaikan harga rumah & aset hartanah antara faktor kepada masalah hutang yang timbul. Pengkaji mendapati bahawa perkara ini hampir serupa dengan masalah yang dihadapi oleh responden iaitu kos sara hidup yang tinggi. Masyarakat terpaksa menghadapi masalah ini untuk meneeruskan kehidupan sebagaimana biasa. Kajian lepas oleh Roza Hazli et. al. (2012) pula menyatakan secara jelas bahawa antara faktor keberhutangan ialah kos sara hidup yang meningkat.

KESIMPULAN

Melalui kajian ini, langkah-langkah yang dilakukan oleh pelbagai pihak terutamanya Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menjadikan sektor isi rumah lebih kukuh dan mapan sejak tahun 2010 hingga 2013 memberi kesan positif. Dengan mengumumkan garis panduan berkenaan tempoh pinjaman pada 2013. BNM meletakkan tempoh maksimum selama 10 tahun untuk pembiayaan bagi kegunaan peribadi dan selama 35 tahun bagi pembiayaan harta kediaman dan bukan kediaman (Bank Negara Malaysia 2013). Ternyata peminjam tidak terbeban dengan tempoh yang telah ditetapkan. Namun, yang menjadi beban hingga mengganggu kemampuan peminjam untuk membayar semula pinjaman mereka adalah faktor yang wujud di luar perancangan kewangan mereka. Terdapat sebahagian dikalangan masyarakat kita yang tidak mengambil kira keperluan semasa dalam perancangan kewangan mereka. Keadaan semasa seperti kesihatan, kelengkapan rumah, pendidikan anak-anak dan lain-lain memerlukan kepada kewangan yang terancang. Perkara ini yang selalu menjadi bebanan kepada para peminjam. Oleh itu, peminjam seharusnya memperuntukkan sebahagian kewangan mereka untuk keperluansemasa yang tidak dijangka. Walaupun nilainya tidak setinggi bayaran pinjaman setiap bulan, tetapi jika dijumlahkan ianya boleh mengganggu bajet kewangan kita. Pengetahuan tentang pengurusan kewangan yang mencukupi adalah penting bagi pengurusan kewangan yang baik dalam masyarakat. Lebih-lebih lagi dalam keadaan kos sara hidup dan peningkatan harga barang serta hartanah kini.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Ahmad Hidayat Buang. (2009). Jurnal Muamalat. *Pengurusan Harta Keluarga mengikut Islam dan Realiti Semasa Di Malaysia*. Bil. 2. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Al-Bukhari. Muhammad bin Ismail bin Ibrahim Ibn al-Mughirah bin Bardizbah. (2003). *Sahih al-Bukhari.* Mansurah: Maktabah al-Iman.

Al-Sharibini, Muhammad al-Khatib al-Sharibini. (2005). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Juz. 2. Beirut: Dar al-Fikr.

Azrina Sobian & Siti Fatimah. (2010). *Pinjaman Peribadi: Hasil kajian Terhadap Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Basri Ibrahim. (2009). Jurnal Syariah. *Analisis Isu-Isu Muamalat Semasa Dalam Buku al-Mu'amalat al-Maliyyah al-Mu'asirah Oleh Qal'Ahji*. Jil. 17. Bil. 2. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Dewan Rakyat. (2013) Parlimen Ketiga Belas. Penggal Pertama. Mesyuarat Pertama. Bil. 13.

Hailani Muji Tahir & Sanep Ahmad. (2009). Aplikasi Fiqh Muamalat Dalam Sistem Kewangan Islam. Selangor: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM.

Hailani Muji Tahir et. al. (2009). Seminar Muamalat, Ekonomi & Kewangan Islam (SMEKI09). *Maqasid Syariah Dalam Pengurusan Ekonomi, Kewangan dan Pembangunan Negara*. Vol. 1. No. 33. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ibn Majah. Abi Abdillah Muhammad bin Yazid al-Qazwani. (1997). *Sahih Sunan Ibn Majah.* Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nathir wa al-Tawzi'.

Ivan Tan et. al. (2013). Ratings Direct. *Rising Household Debt Could Weigh Down Asia's Banks.* Standard & Poor's Rating services.

Kaviyarasu Elangkovan & Ahmed Razman bin Abdul Latiff. (2013). *Bankruptcy: A Natural Phenomena Being Attacked On Malaysians'.* International Journal of Humanities and Management Sciences (IJHMS). Vol. 1, Issue 1. (2013) 2320-4044.

Lee Shi-an. (2013). The Malaysian Insider. *Gaya Hidup Rakyat Malaysia Dorong Hutang Tidak Berpenghujung.* http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/gaya-hidup-rakyat-malaysia-dorong-hutang-tidak-berpenghujung/.

Maznita Mokhtar & Azman Ismail. (2013). *Shariah Issues in Managing Household Debt: The Case of Malaysia.* Jurnal Pengurusan 37 (2013) 63-76.

Muhammad Nazreen. (2013). The Malaysian Insider. *Tekanan Ekonomi dan Budaya Hutang*. http://www.themalaysianinsider.com/rencana/article/tekanan-ekonomi-dan-budaya-hutang-muhammad-nazreen1/.

Muslim. Abi al-Hussain Muslim bin Hujjaj al-Qushairi al-Naisaburi. (2010). *Sahih Muslim.* Kaherah: Dar al-Fajr li al-Turath.

Mustafa al-Bugha et. al. (2009). Al-Fiqh al-Manhaji: Kitab Fikah Mazhab Syafie Terjemahan. Kuala Lumpur: Pustaka salam.

Nazni Noordin et. al. (2012). *Bankruptcy Among Young Executives in Malaysia.* International Conference on Economics Marketing and Management IPEDR Vol. 28. IACSIT Press, Singapore.

Paul Selva Raj, Siti Rahayu & Nurul Husna. (2013), Ringgit: Rakan Kewangan Anda. *Amalan Pembiayaan Yang Bertanggungjawab*. Selangor: Pusat Penyelidikan & Sumber Pengguna (CRRC).

Paul Selva Raj, Siti Rahayu & Nurul Husna. (2013), Ringgit: Rakan Kewangan Anda. *Pekerja Muda Hadapi Masalah Hutang Serius*. Selangor: Pusat Penyelidikan & Sumber Pengguna (CRRC).

Portal Rasmi Jabatan Insolvensi Malaysia. (2014). *Kebankrapan Individu*. http://www.insolvensi.gov.my/ms/about-us/core-business/core-business/personal-bankruptcy.

Roza Hazli Zakaria et. al. (2012). *Burgeoning Household Debt: an Islamic Economic Perspective.* Middle- East Journal of Scientific Research. 12 (9): 1182-1189.

Roza Hazli Zakaria et. al. (2012). *Financial Behavior and Financial Position: A Structural Equation Modelling Approach.* Middle- East Journal of Scientific Research 11 (5): 602-609.

Syahnaz Sulaiman. (2011). Portal Rasmi Muamalat & Kewangan Islam. Kertas Ilmiah. Konsep Pinjaman Menurut Perspektif Islam. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Wahbah al-Zuhailiy. (2001). *Fiqh dan Perundangan Islam.* Jil 7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

JADUAL 1: Taburan responden.

Demografi	Jumlah responden (%)
Jantina: Lelaki	39
Perempuan	61
Umur: 25-34 tahun	55
35-44 tahun	45
Status: Bujang	41
Berkahwin	59

JADUAL 2: Pendapatan responden

Pendapatan	Jumlah responden (%)
RM2000 ke bawah	19
RM2000 hingga RM5000	64
RM5000 ke atas	9
Tiada pendapatan	8

JADUAL 3: Jumlah responden mengikut jenis pembiayaan

Jenis Pembiayaan	Jumlah responden (%)
Rumah kediaman	35
Rumah kedai	1
Kenderaan	65
Pinjaman peribadi	35
Kad kredit	9
Pendidikan	34
Perniagaan	3

JADUAL 4: Baki jumlah pinjaman (hutang)

Jumlah baki pinjaman	Jumlah responden (%)
RM50000 ke bawah	37
RM50000 hingga RM100000	25
RM100000 hingga RM200000	20
RM200000 ke atas	10
Tidak mempunyai hutang	8

JADUAL 5: Faktor bebanan bagi melunaskan pinjaman

Kenyataan	Jumlah responden (%)					Purata
	1	2	3	4	5	
	⟷					
1) Terpaksa mendahulukan wang untuk keperluan lain	0	7	9	54	30	4.07
2) Kos sara hidup yang tinggi	4	8	4	49	35	4.03
3) Bajet lari kerana keperluan semasa	2	7	11	49	31	4.00
4) Saya setuju dengan tempoh maksimum pembayaran semula pinjaman yang ditetapkan	3	6	20	58	13	3.72
5) Tempoh maksimum pembayaran perlu ditambah	5	31	34	18	12	3.01
6) Tempoh maksimum bayaran perlu dipendekkan	8	36	23	6	7	2.88

Petunjuk: (1) tidak setuju ⟷ (5) setuju